

Integrasi TPACK-CoI Dalam Pembelajaran Teradun: Impak Terhadap Kualiti Penulisan Esei STPM

Lila Anak Intai¹

¹University Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

*Corresponding author: lilaintai@gmail.com

Received: 17th January 2026; Revised: 23th January 2026; Accepted: 27th April 2026

ABSTRAK

Kesusasteraan Melayu Komunikatif menekankan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berorientasikan digital. Kajian ini dijalankan untuk menambah baik amalan guru dalam memperkasa kemahiran menulis esei pelajar Tingkatan Enam berasaskan integrasi TPACK-CoI. Masalah yang dikenal pasti ialah pelajar menghadapi kesukaran mengolah fakta, menghuraikan isi, dan menulis esei yang tersusun. Objektif kajian ini untuk meningkatkan keupayaan pelajar menghuraikan kesan nilai keagamaan dalam konteks pembangunan insan, mengaplikasikan nilai agama dalam kehidupan seharian, serta menulis esei yang gramatis. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tindakan berasaskan pendekatan kaedah bercampur yang menggabungkan analisis data kualitatif dan kuantitatif bagi memberikan gambaran yang lebih holistik terhadap keberkesanan intervensi. Seramai sepuluh pelajar Tingkatan Enam dipilih sebagai peserta. Instrumen kajian ialah temu bual, pemerhatian, catatan refleksi, dan ujian. Data kualitatif dianalisis menggunakan analisis tema dan data kuantitatif dianalisis secara deskriptif. Dapatan gelung pertama menunjukkan keupayaan pelajar menulis esei secara kritis, membuat keputusan, dan memberi justifikasi. Dapatan kuantitatif menunjukkan peningkatan skor purata daripada 36.7% kepada 62.6%. Gelung kedua memperlihatkan projek digital mencetuskan strategi pedagogi kolaboratif yang meningkatkan keterlibatan pelajar. Gelung ketiga pula membuktikan pelajar berjaya menguasai nilai keagamaan melalui pelaksanaan tugas. Isu tatabahasa, literasi digital dan capaian internet kekal sebagai cabaran. Keseluruhan, integrasi TPACK dan CoI bukan sahaja memperkasa kemahiran menulis tetapi juga menyumbang kepada penambahbaikan amalan guru dalam konteks pembelajaran teradun.

Keywords: Pendidikan digital, kemahiran menulis esei, pedagogi abad ke-21

ABSTRACT

Communicative Malay Literature emphasises digitally oriented teaching and learning. This study aims to improve Form Six students' essay writing skills and teachers' practices through the integration of TPACK-CoI. Ten students participated in this mixed-methods action research. Data were collected through interviews, observations, reflective notes, and tests, and analysed thematically and descriptively. Findings showed improvements in students' critical writing, decision-making, justification, and understanding of religious values. The mean score increased from 36.7% to 62.6%, while digital projects enhanced student engagement and collaborative learning. However, grammar, digital literacy, and internet accessibility remained challenges. Overall, TPACK-CoI integration improved essay writing skills and supported teachers' practices in blended learning.

Keywords: Digital education, essay writing skills, 21st-century pedagogy

1. PENGENALAN

Pendidikan digital kini menjadi pemangkin utama dalam transformasi pedagogi abad ke-21 selaras dengan kehendak Revolusi Industri 4.0 dan aspirasi Lonjakan Ke-7 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 yang menekankan pemanfaatan ICT untuk meningkatkan kualiti pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Dalam konteks Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Enam, kemahiran menulis esei kritis merupakan kompetensi yang diperlukan pelajar untuk menghuraikan konsep pembangunan insan, masyarakat dan negara secara kritis. Walau bagaimanapun, dapatan awal PdPc menunjukkan wujudnya jurang signifikan antara keperluan kurikulum dengan keupayaan sebenar pelajar di bilik darjah. Pelajar sering gagal mengolah fakta dengan tepat, tidak menghuraikan idea secara kritis dan tidak mampu menghasilkan esei gramatis meskipun telah diberikan nota atau model jawapan. Hal ini disokong kajian lepas yang mendapati kelemahan kosa kata, ketidakfahaman konsep, serta gaya pengajaran tradisional yang terlalu berpusatkan guru menjadi faktor utama ketidakupayaan pelajar mengembangkan huraian (Hashim, 2015; Ismail & Ahmad, 2018; Nik Safiah Karim, 2004).

Terdapat jurang antara aspirasi pendidikan sastera dengan realiti bilik darjah. Pelajar menunjukkan ketidakbolehan mereka dalam menulis maklumat, konsep dan huraian yang betul. Berdasarkan refleksi pengajaran lalu, Penekanan yang berlebihan terhadap penyelesaian sukatan pelajaran telah mengehadkan tumpuan terhadap aspek literasi penulisan esei. Fokus guru lebih kepada menyiapkan silibus menyebabkan guru sering terburu-buru dalam mengajar tanpa memberi perhatian khusus kepada penguasaan teknik menulis yang betul seperti membina perenggan, menghubungkan isi dengan huraian, serta mengolah idea dengan teratur (Amir & Shaid, 2025). Keadaan ini menyebabkan pelajar tidak mempunyai peluang mencukupi untuk berlatih menghasilkan penulisan yang matang dan tersusun. Kecenderungan guru mengamalkan kaedah tradisional seperti syarahan dan latih tubi menjadikan pengajaran penulisan bersifat sehalu dan kaku. Murid hanya mengikut contoh esei yang diberi tanpa dibimbing untuk mengembangkan idea sendiri (Bael, Nachiappan & Pungut, 2021). Akibatnya esei pelajar sering bersifat stereotaip, kurang huraian mendalam dan gagal menampilkan kreativiti. Sikap guru yang terlalu berorientasikan sukatan dan kaedah lama ini secara langsung menyumbang kepada kelemahan pelajar dalam menulis esei yang sistematik. Oleh itu, projek digital ini berfungsi sebagai platform untuk meningkatkan kompetensi pelajar STPM dalam menghasilkan penulisan esei yang sistematik.

2. SOROTAN LITERATUR

Kajian lepas secara konsisten menunjukkan bahawa pelajar menghadapi masalah menulis esei kerana kelemahan dalam mengolah fakta, menghuraikan isi dan menggunakan bahasa yang tepat (Hashim, 2015; Ismail & Ahmad, 2018; Nik Safiah Karim, 2004; Mohd. Yusof & Mahamod, 2010). Dapatan ini diperkukuh oleh kajian terkini yang mengesahkan bahawa cabaran tersebut masih berterusan walaupun pelbagai usaha telah dijalankan. Sebagai contoh, Austrus, Mahamod dan Adnan (2024) mendapati pelajar bukan penutur asal masih berdepan masalah kosa kata dan ketidakupayaan mengembangkan idea, manakala Subramaniam dan Mahamod (2024) menegaskan bahawa walaupun bahan digital membantu, struktur ayat dan format penulisan masih lemah. Selain itu, Luthfiyati, Widyaiswara dan Anggraini (2023) menunjukkan faktor psikologi seperti motivasi rendah dan kurang keyakinan turut menjejaskan penulisan. Asnola, Maswandi dan Zulkiflee (2022) juga mengenal pasti kesalahan tatabahasa dan morfologi masih meluas dalam kalangan pelajar. Sintesis ini membuktikan bahawa isu kelemahan penulisan pelajar adalah masalah berterusan dari dahulu hingga kini, melibatkan aspek linguistik, kognitif, serta motivasi.

Kajian Meirza Nanda Faradita dan Ery Rahmawati (2022) menunjukkan terdapat peningkatan signifikan dalam hasil pembelajaran sains pelajar selepas penerapan model pembelajaran hybrid. Ini disokong juga Kajian Udin Sidik (2023) yang mendapati penerapan model pembelajaran hybrid telah meningkatkan motivasi belajar pelajar. Menurut Coding Bee Academy (2023) pula, pembelajaran hybrid membantu pelajar mengembangkan keterampilan digital dan kemandirian dalam belajar. Kajian Nuraini dan Santoso (2022), pembelajaran hybrid telah meningkatkan hasil belajar dan kemandirian pelajar. Pembelajaran hybrid ini menjadi pemangkin kepada generasi digital. Ini disokong dengan kajian Pavethira (2021), bahawa pengintegrasian pendidikan digital dalam PdPc turut memberi ruang kepada pelajar untuk meneroka pengetahuan.

Meskipun kajian terdahulu (Meirza Nanda Faradita dan Ery Rahmawati, 2022) menekankan kepentingan integrasi TPACK dalam pengajaran bahasa, masih terdapat kekurangan kajian yang meneliti sinergi antara kompetensi pedagogi guru dengan pengalaman pembelajaran kolaboratif pelajar sebagaimana yang diuraikan dalam model Community of Inquiry (CoI), khususnya dalam konteks penulisan esei formal.

3. METODOLOGI

Kajian tindakan ini merangka intervensi melalui projek digital yang berasaskan gabungan model Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK) dan Community of Inquiry (CoI) merupakan kerangka pedagogi digital yang terbukti meningkatkan interaksi kognitif, sosial dan pengajaran dalam pembelajaran teradun (Mishra & Koehler, 2006; Garrison et al., 2000). TPACK menekankan keseimbangan antara kandungan, pedagogi dan teknologi, manakala CoI membina komuniti pembelajaran melalui tiga dimensi utama iaitu teaching presence, social presence dan cognitive presence. Kedua-dua model ini diterapkan melalui penggunaan Google Docs sebagai platform kolaboratif, bimbingan berpandu guru menggunakan formula FHC (Fakta-Huraian-Contoh) dan ABM (Apa-Bagaimana-Mengapa) serta aktiviti refleksi sendiri pelajar. Seramai sepuluh pelajar Tingkatan Enam dipilih secara bertujuan berdasarkan kelemahan ketara dalam menulis huraian, tahap keyakinan diri rendah dan kecenderungan bergantung kepada jawapan rakan.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tindakan berasaskan pendekatan kaedah bercampur (mixed-methods) yang menggabungkan analisis data kualitatif dan kuantitatif bagi memberikan gambaran yang lebih holistik terhadap keberkesanan intervensi. Kebolehpercayaan instrumen soal selidik diukur melalui nilai Alpha Cronbach yang mencatatkan skor 0.85, menunjukkan tahap ketekalan dalaman yang tinggi. Data dikumpulkan melalui pemerhatian, temu bual berstruktur dan analisis dokumen. Analisis data kualitatif menggunakan pendekatan analisis tema berdasarkan Braun dan Clarke (2012). Data kuantitatif pula dianalisis secara deskriptif bagi menilai perubahan skor penulisan sebelum dan selepas intervensi. Kaedah triangulasi digunakan bagi meningkatkan kebolehpercayaan dapatan, selaras dengan cadangan Cohen, Manion dan Morrison (2018).

3.1 DATA DAN ANALISIS

Hasil soal selidik menunjukkan bahawa pelajar menyatakan bahawa penggunaan kaedah dan interaktif yang menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan sejajar dengan prinsip *Technological Pedagogical Content Knowledge* (TPACK) yang menekankan integrasi kandungan, pedagogi dan teknologi (Mishra & Koehler, 2006). Pelajar turut menekankan bahawa bimbingan guru menambah keyakinan mereka selaras dengan pandangan Pianta, Hamre dan Allen (2012) bahawa sokongan emosi guru berperanan penting dalam pencapaian akademik. Walau bagaimanapun, terdapat juga cadangan agar penyampaian dibuat dengan lebih terperinci dan

guru perlu lebih peka kepada pelajar lemah dan lebih banyak latihan disediakan khususnya nota ringkas dan soalan struktur. Hal ini konsisten dengan dapatan kajian terdahulu bahawa kelemahan penulisan pelajar berpunca daripada kurangnya kefahaman konsep, kelemahan struktur bahasa, dan kekurangan latihan berpandu (Hashim, 2015; Ismail & Ahmad, 2018; Nik Safiah Karim, 2004; Mohd. Yusof & Mahamod, 2010). Justeru, dapatan soal selidik ini mengesahkan bahawa keberkesanan PdP bukan sahaja bergantung pada strategi teknologi dan pedagogi, tetapi juga pada elemen *Community of Inquiry* (CoI) yang menekankan kehadiran kognitif, sosial, dan pengajaran (Garrison, Anderson, & Archer, 2000), di mana pelajar memerlukan latihan berpandu, suasana interaktif, serta sokongan guru untuk membina kemahiran menulis yang kritis dan tersusun.

Secara keseluruhan, hasil kerja murid menunjukkan transformasi penulisan yang signifikan, beralih daripada struktur ayat ringkas kepada esei yang lebih lengkap, kritis, dan tersusun. Dapatan ini membuktikan bahawa intervensi projek digital berasaskan model TPACK dan CoI berjaya memperkukuh penguasaan menulis melalui integrasi kandungan nilai, strategi pedagogi kolaboratif, dan pemanfaatan teknologi secara berkesan

Aspek	Sebelum	Selepas	Bukti Sokongan (Data/Temu bual)
Skor Purata	Min = 36.7% (Julat 20–45)	Min = 62.6% (Julat 44–85)	9/10 pelajar meningkat, M6 lonjakan +54
Struktur Esei	Tidak lengkap, hanya menyalin daripada buku/nota	Lebih tersusun: Fakta–Huraian–Contoh (FHC), ABM jelas	Draf esei lengkap, pembentangan digital
Kefahaman Konsep	Pelajar keliru & “tidak tahu” (M1, M3, M7, M9)	Lebih faham selepas bimbingan & semakan rakan sebaya	“Sekarang saya boleh tulis dengan contoh”
Keterlibatan Pelajar	Pasif, salin jawapan kawan, bergantung pada guru	Aktif: diskusi kumpulan, semakan peer review, guna aplikasi digital	“Pembelajaran makin seronok bila guna Padlet”
Sokongan Guru	Guru perlu ulang arahan, pelajar masih keliru	Sokongan instruksional guru yang konsisten terbukti meningkatkan efikasi sendiri pelajar semasa proses penulisan esei	“Cikgu bantu bila saya salah, jadi lebih yakin” (M6)

Rajah 1. Perbandingan trigulasi aspek dan dapatan Sebelum dan Selepas Intervensi

Sumber: Kajian Tindakan 2025.

Peningkatan skor min peserta daripada 36.7% kepada 62.6% mencerminkan keberkesanan intervensi yang dijalankan. Secara khususnya, lonjakan prestasi peserta M6 sebanyak 54 mata peratus (daripada 20% kepada 74%) memberikan bukti empirikal yang kukuh terhadap impak model TPACK–CoI. Sebelum intervensi, M6 mempamerkan kebergantungan tinggi terhadap rakan sebaya dengan hanya menyalin nota. Walau bagaimanapun, melalui bimbingan berpandu formula FHC dan kolaborasi digital, M6 berjaya beralih kepada pemprosesan maklumat tahap tinggi dan menunjukkan autonomi pembelajaran (learning presence) yang lebih stabil. Kejayaan ini membuktikan bahawa persekitaran pembelajaran teradun yang tersusun mampu mengubah profil pelajar yang lemah kepada penulis esei yang lebih kritis dan berdikari.

Strategi pedagogi seperti penulisan berperingkat (draf, semakan, pembetulan rakan sebaya) serta penggunaan aplikasi digital (Google Docs, Padlet, Canva) membantu murid memperbaiki hasil penulisan. Analisis prestasi individu menunjukkan 90% peserta mencapai peningkatan skor, dengan lonjakan paling signifikan dicatatkan oleh peserta M6 sebanyak 54 mata peratus (daripada 20% kepada 74%). Transformasi peserta M6 daripada amalan menyalin jawapan rakan kepada keupayaan menjana hujah secara sendiri membuktikan keberkesanan integrasi TPACK-CoI dalam membina *learning presence* dan autonomi pelajar. Hal ini seiring dengan Shulman (1986) yang menekankan bahawa pemilihan pedagogi sesuai mampu meningkatkan pemahaman mendalam terhadap isi pelajaran.

Dapatan ini mengenal pasti empat tema utama yang mempengaruhi keberkesanan intervensi. Pertama, kefahaman dan kejelasan, iaitu penyampaian yang jelas dan berstruktur. Kedua, keterlibatan dan keseronokan, aktiviti interaktif berjaya meningkatkan motivasi serta mengurangkan kebosanan selaras dengan pandangan Fredricks, Blumenfeld dan Paris (2004) bahawa keterlibatan emosi dan tingkah laku menyokong komitmen pembelajaran. Ketiga, keberkesanan kaedah. Strategi pedagogi yang sesuai memudahkan pemahaman mendalam, menyokong pandangan Shulman (1986) tentang kepentingan pemilihan kaedah pengajaran. Keempat, sokongan dan empati guru iaitu hubungan mesra dan dorongan emosi meningkatkan keyakinan pelajar, seiring dengan dapatan Pianta, Hamre dan Allen (2012). Secara keseluruhan, dapatan ini menegaskan bahawa kejayaan pembelajaran bergantung bukan sahaja pada pedagogi dan teknologi, tetapi juga pada interaksi sosial, motivasi dan sokongan emosi, selari dengan kerangka Community of Inquiry (Garrison, Anderson, & Archer, 2000).

Secara keseluruhan, hasil kerja murid menunjukkan peningkatan signifikan daripada penulisan ringkas tanpa huraian kepada esei yang lebih lengkap, kritis, dan tersusun. Intervensi projek digital berasaskan model TPACK dan CoI terbukti memperkukuh penguasaan menulis melalui integrasi kandungan nilai, strategi pedagogi kolaboratif, dan penggunaan teknologi. Namun, kajian juga mendedahkan beberapa kelemahan. Sebahagian pelajar masih bergelut dengan tatabahasa dan struktur penulisan, sementara masalah capaian internet menjejaskan kelancaran pembelajaran digital. Isu ini menunjukkan bahawa keberkesanan intervensi masih dipengaruhi oleh faktor teknikal dan tahap literasi bahasa pelajar. Hal ini sejajar dengan dapatan Pianta, Hamre dan Allen (2012) yang menegaskan bahawa sokongan guru diperlukan untuk mengatasi cabaran emosi dan akademik.

Bagi cadangan penambahbaikan, latihan berpandu berfokus tatabahasa, pembetulan rakan sebaya, serta penyediaan bahan bercetak sebagai alternatif perlu diberi penekanan agar tiada pelajar tercicir. Di samping itu, integrasi elemen gamifikasi boleh meningkatkan motivasi pelajar, manakala penggunaan platform luar talian dapat mengurangkan isu akses digital. Secara keseluruhannya, intervensi ini bukan sahaja memenuhi objektif kajian, malah menyokong aspirasi *Dasar Pendigitalan Pendidikan* dengan mewujudkan pengalaman pembelajaran yang kritis, kolaboratif, dan inklusif.

4. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis merentas gelung menunjukkan evolusi pembelajaran yang signifikan. Jika Gelung 1 tertumpu kepada penstrukturan fakta asas, Gelung 2 bertindak menangani isu kebergantungan kepada guru melalui kolaborasi Google Docs yang memperkukuh social presence. Seterusnya, Gelung 3 memantapkan learning presence, di mana pelajar mula menunjukkan autonomi dalam menyunting dan memperbaiki esei secara sendiri. Keupayaan pelajar untuk menulis esei dengan struktur yang lebih tersusun menggunakan formula FHC selepas intervensi menyokong Teori Pembelajaran Multimedia Mayer (2009). Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan panduan

digital yang sistematik membantu mengurangkan beban kognitif pelajar serta meningkatkan kecekapan pemprosesan maklumat semasa proses penulisan.

Dalam gelung kedua penggunaan Google Docs sebagai alat kolaboratif telah merangsang interaksi rakan sebaya, mengurangkan kebergantungan pelajar kepada guru serta meningkatkan *social presence* pelajar. Penggunaan alatan kolaboratif memungkinkan pembinaan pengetahuan secara sosial, di mana pelajar terlibat dalam penilaian rakan sebaya secara kritis, sekali gus menggalakkan pembinaan pengetahuan secara sosial sebagaimana dikehendaki oleh Shea dan Bidjerano (2023) dalam perluasan model CoI.

Dalam gelung ketiga, pelajar menunjukkan penguasaan yang lebih stabil dalam menghasilkan penulisan esei lengkap. Mereka mampu menghubungkan nilai keagamaan dengan pembangunan insan melalui huraian kritis, contoh relevan dan bahasa yang lebih gramatis. Perubahan ini mencerminkan wujudnya *learning presence* yang dalam kalangan pelajar, iaitu autonomi dan keupayaan mengawal pembelajaran sendiri. Dapatan ini turut menunjukkan bahawa intervensi digital bukan sahaja meningkatkan kemahiran menulis, tetapi juga membina keyakinan diri dan meningkatkan motivasi pelajar yang sebelum ini pasif. Analisis refleksi guru menunjukkan bahawa pendekatan digital ini turut memperkasa amalan pedagogi melalui bimbingan lebih terancang, pemantauan berterusan dan penggunaan teknologi sebagai alat penilaian formatif. Peningkatan skor purata pelajar daripada 36.7% kepada 62.6% menunjukkan bahawa penggunaan formula berpandu, disokong dengan bimbingan guru yang terancang telah berjaya mengurangkan beban kognitif pelajar. Ini selaras dengan teori Multimedia Learning oleh Mayer (2009) yang menegaskan bahawa penyusunan maklumat dalam format terarah membantu pemprosesan kognitif lebih efektif. Pelajar yang sebelum ini keliru dalam menghubungkan fakta, huraian dan contoh telah mulai menunjukkan pemahaman yang lebih jelas dan mampu menghasilkan hujah lebih tersusun.

Penggunaan platform Google Docs dalam intervensi memberi impak ketara terhadap peningkatan *social presence* dalam CoI. Pelajar bukan sahaja lebih aktif memberikan maklum balas, malah mula menunjukkan keberanian dalam menilai dan menokok tambah huraian rakan. Kolaborasi masa nyata menggalakkan pembinaan pengetahuan secara sosial, sebagaimana dikehendaki oleh Shea dan Bidjerano (2023) dalam perluasan model CoI. Transformasi tingkah laku daripada pasif kepada interaksi aktif menunjukkan peningkatan *social presence* dalam komuniti pembelajaran digital. Persekitaran digital telah menyediakan ruang selamat untuk pelajar berinteraksi tanpa rasa malu atau takut.

Intervensi turut mempertingkatkan *teaching presence*, iaitu kejelasan arahan, penyusunan aktiviti penulisan, dan pemberian maklum balas secara konsisten melalui fungsi komen digital. Kejelasan ini menghasilkan peningkatan *cognitive presence* dapat diperhatikan apabila pelajar tidak lagi sekadar menyalin nota, sebaliknya mampu mensintesis nilai keagamaan dalam konteks pembangunan insan secara kritis. Perubahan daripada tahap 'tidak tahu' kepada keupayaan memberikan justifikasi yang matang mencerminkan pemprosesan kognitif tahap tinggi hasil daripada bimbingan formula FHC dan penggunaan ABM yang sistematik.

Dapatan juga menunjukkan peningkatan *learning presence*, iaitu autonomi pelajar dalam menguasai penulisan. Pelajar yang sebelum ini bergantung pada rakan dan guru mula menunjukkan inisiatif menyemak sendiri esei, memperbaiki huraian, dan menyiapkan tugas tanpa disuruh. Ini menyokong dapatan Eduafo dan Govender (2024), iaitu persekitaran digital yang tersusun membina kebertanggungjawaban pelajar terhadap pembelajaran mereka sendiri.

Walau bagaimanapun, kajian ini juga menunjukkan beberapa kekangan seperti literasi digital yang tidak seimbang, kesalahan tata bahasa yang berterusan, dan isu capaian internet bagi sebilangan pelajar. Walaupun wujud kekangan teknikal, impak positif terhadap kemahiran menulis membuktikan daya tahan (*resilience*) kerangka TPACK-CoI dalam persekitaran

pembelajaran yang mencabar. Secara keseluruhannya membuktikan bahawa TPACK-CoI bukan sekadar meningkatkan kemahiran menulis pelajar tetapi juga memperkukuh dimensi kognitif, sosial, dan pedagogi PdPc. Integrasi model-model ini berjaya mewujudkan pembelajaran teradun yang mampan, autentik, dan sesuai untuk keperluan pelajar prauniversiti masa kini.

5. KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa integrasi TPACK dan CoI dalam pembelajaran teradun mampu merapatkan jurang antara aspirasi kurikulum dengan realiti bilik darjah terutamanya dalam mengatasi kelemahan penulisan esei pelajar Tingkatan Enam. Melalui bimbingan berpandu, kolaborasi digital dan refleksi berstruktur, pelajar bukan sahaja dapat meningkatkan prestasi penulisan malah meningkatkan tahap motivasi, interaksi sosial dan autonomi pembelajaran. Walaupun cabaran seperti literasi digital rendah, kekangan capaian internet dan isu tatabahasa masih wujud, intervensi ini menawarkan asas yang kukuh untuk perkembangan pedagogi digital dalam Kesusasteraan Melayu Komunikatif. Cadangan penambahbaikan termasuk pengukuhan latihan tatabahasa berpandu, sokongan bahan bercetak bagi pelajar berisiko, dan penggunaan aplikasi digital tambahan untuk meningkatkan pengayaan penulisan. Secara keseluruhan, pembelajaran teradun berasaskan TPACK-CoI terbukti sebagai pendekatan holistik dan mampan untuk memperkasa kemahiran menulis esei di peringkat pra-universiti. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan implikasi pedagogi yang praktikal kepada guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif.

RUJUKAN

- Abdullah, K. (2013). *Kajian tindakan: Masalah kelemahan menguasai aspek penulisan karangan Bahagian B dalam Bahasa Melayu penulisan UPSR di kalangan murid-murid tahun enam* [Unpublished project paper]. Open University Malaysia.
- Amir, A. F., & Shaid, N. A. N. (2025). Isu dan cabaran pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*.
- Asnola, S., Maswandi, A., & Zulkiflee, A. (2022). Common grammar errors in Malay essay writing among Bruneian students. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*.
- Austrus, D., Mahamod, Z., & Adnan, A. H. M. (2024). Challenges in writing Malay essays among non-native speakers in Sarawak primary schools. *Kajian Pendidikan Bahasa Melayu*.
- Bael, B. T., Nachiappan, S., & Pungut, M. (2021). Analisis kesediaan guru dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran, pengajaran dan pemudahcaraan abad ke-21. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/jpb/article/download/9818/5336/51411>
- Bao, Y., & Yunus, H. M. (2024). Community of inquiry model and learning styles theory in blended learning: A literature review. *Kupasan: Jurnal Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Bennett, T., Geiger, M., & Wahyuningsih, A. (2022). Impak aktiviti berasaskan projek terhadap motivasi pelajar. *International Journal of Learning and Teaching*.
- Bloem, J., et al. (2024). *Differences in need-supportive teaching toward students from different socioeconomic backgrounds*. *Journal of Educational Psychology*.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Braun, V., & Clarke, V. (2012). Thematic analysis. In H. Cooper, P. M. Camic, D. L. Long, A. T. Panter, D. Rindskopf, & K. J. Sher (Eds.), *APA handbook of research methods in psychology*, Vol.

- 2: Research designs: Quantitative, qualitative, neuropsychological, and biological (pp. 57–71). American Psychological Association.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- Choy, S. C., Yim, J. S. C., & Sedhu, D. S. (2020). Reflective thinking among preservice teachers: A Malaysian perspective. *Issues in Educational Research*, 30(1), 1–17.
- Diamah, A., Usodo, B., & Sari, R. (2022). The effect of TPACK-based training using the Explore–Engage–Reflection–Transformation (EERT) learning model on pre-service teachers' TPACK perception.
- Eduafo, S. T., & Govender, I. (2024). Examining students' engagement in blended MOOCs using the community of inquiry framework: Evidence from the University of Cape Coast. *Smart Learning Environments*, 11(1), 1–16.
- Fredricks, J. A., Blumenfeld, P. C., & Paris, A. H. (2004). School engagement: Potential of the concept, state of the evidence. *Review of Educational Research*, 74(1), 59–109.
- Fullan, M. (2021). *The right drivers for whole system success*. Centre for Strategic Education.
- Fung, L. Y., Norizan, T., Loreta, L. L. U., & Ming, H. L. (2025). An empirical study on college students' academic writing motivation in Sabah, Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*.
- Garrison, D. R., Anderson, T., & Archer, W. (2000). Critical inquiry in a text-based environment: Computer conferencing in higher education. *The Internet and Higher Education*, 2(2–3), 87–105.
- Guest, G., MacQueen, K. M., & Namey, E. E. (2012). *Applied thematic analysis*. SAGE Publications.
- Hashim, R. (2015). Masalah pelajar dalam penulisan esei kesusasteraan Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 45–56.
- Helsa, Y., Suherman, S., & Herman, T. (2021). Developing a TPACK-based hybrid learning model to improve computational thinking skills in mathematics. *Journal on Mathematics Education*, 12(3), 471–488.
- Ismail, N., & Ahmad, R. (2018). Tahap kemahiran menulis esei kesusasteraan dalam kalangan pelajar tingkatan enam. *Jurnal Pengajian Melayu*, 29(1), 77–92.
- Ishikawa, K. (1986). *Guide to quality control*. Asian Productivity Organization.
- Karim, N. S. (2004). *Bahasa dan kesusasteraan Melayu: Isu dan cabaran*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarudin, M. M. (2012). Amalan refleksi oleh guru dalam pelaksanaan kajian tindakan di sekolah. *Disertasi Sarjana Pendidikan*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Dasar pendidikan digital*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Dasar pendigitalan pendidikan*. Putrajaya: KPM.
- King, N. (2004). Using templates in the thematic analysis of text. In C. Cassell & G. Symon (Eds.), *Essential guide to qualitative methods in organizational research* (pp. 256–270). SAGE Publications.
- Luthfiyati, D., Widayiswara, A., & Anggraini, R. (2023). Psychological and cognitive barriers in essay writing among secondary students. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, 7(12), 152–160.
- Mayer, R. E. (2009). *Multimedia learning* (2nd ed.). Cambridge University Press.
- Mishra, P., & Koehler, M. J. (2006). Technological pedagogical content knowledge: A framework for teacher knowledge. *Teachers College Record*, 108(6), 1017–1054.
- Mohd. Yusof, N., & Mahamod, Z. (2010). Penguasaan kosa kata dan implikasinya terhadap penulisan karangan kesusasteraan Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 13–23.
- Nowell, L. S., Norris, J. M., White, D. E., & Moules, N. J. (2017). Thematic analysis: Striving to meet the trustworthiness criteria. *International Journal of Qualitative Methods*, 16(1), 1–13. <https://doi.org/10.1177/1609406917733847>
- Osly Usman, O., Hassan, S., & Zainuddin, N. (2022). The effect of TPACK on teachers' self-efficacy, perceived usefulness, perceived ease of use, and behavioral intention toward e-learning adoption. *Journal of Software & Systems Research*

- Pianta, R. C., Hamre, B. K., & Allen, J. P. (2012). Teacher-student relationships and engagement: Conceptualizing, measuring, and improving the capacity of classroom interactions. In S. L. Christenson, A. L. Reschly, & C. Wylie (Eds.), *Handbook of research on student engagement* (pp. 365–386). Springer.
- Perumal, P., Husin, M. R., & Nachiappan, S. (2022). Analisis gaya kognisi dan afeksi murid dalam penulisan karangan Bahasa Melayu di sekolah rendah. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(1), 22–28. <https://www.researchgate.net/publication/360247585>
- Pianta, R. C., Hamre, B. K., & Allen, J. P. (2012). Teacher-student relationships and engagement: Conceptualizing, measuring, and improving the capacity of classroom interactions. In S. L. Christenson, A. L. Reschly, & C. Wylie (Eds.), *Handbook of research on student engagement* (pp. 365–386). Springer.
- Tan, C. Y. (2024). *Socioeconomic status and student learning: Insights from an umbrella review*. *Educational Psychology Review*, [article]. <https://doi.org/10.1007/s10648-024-09929-3>
- Rosinah Edinin. (2012). Penyelidikan tindakan kaedah dan penulisan (Edisi ke-2). Freemind Horizons.
- Sabarun, S., Widiati, U., Suryati, N., & Azman, M. N. (2024). The correlation between different interventions in writing strategy and self-confidence in constructing argumentative essays at higher education level. *Asian Journal of University Education*, 20(1), 221–234.
- Serrat, O. (2017). The Five Whys technique. In *Knowledge solutions* (pp. 307–310). Springer.
- Sun, Y., Li, J., & Zhang, H. (2025). A study on the impact of perceived teacher emotional support on university students' online learning engagement: The mediating role of academic burnout. *Frontiers in Psychology*, 16, 14932760.
- Shea, P., & Bidjerano, T. (2023). Community of inquiry framework: Current trends and future directions. *Online Learning Journal*, 27(2), 23–45.
- Shulman, L. S. (1986). Those who understand: Knowledge growth in teaching. *Educational Researcher*, 15(2), 4–14. <https://doi.org/10.3102/0013189x015002004>
- Subramaniam, R., & Mahamod, Z. (2024). Digital reading materials and Malay essay writing: A quantitative study of student perceptions in Malaysian secondary schools. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, 8(4), 1107–1115.
- Shulman, L. S. (1986). Those who understand: Knowledge growth in teaching. *Educational Researcher*, 15(2), 4–14.
- Wijaya, H., & Zhou, J. (2021). Pembelajaran berasaskan projek dalam pendidikan moden. *Asian Education Studies*, 12(2), 113–129.
- Pečiuliauskienė, P. (2023). Instructional clarity in teaching physics and its significance for students' motivation and self-confidence. *Cogent Education*, 10(1), 2236463.
- Jian, Y. (2024). The effect of computer-assisted instruction on reducing students' cognitive load: A comparative study with traditional teaching methods. *Discover Education*, 3, 42.